

6

Prestasi Sektor Swasta

Tinjauan Keseluruhan

Pada tahun 1994, pendapatan dan perbelanjaan sektor swasta terus berada pada tahap yang kukuh didukung oleh kepesatan pertumbuhan ekonomi. Pendapatan sektor korporat pada amnya bertambah baik hasil daripada paras jualan yang tinggi disebabkan oleh kekukuhan permintaan dalam dan luar negeri. Pendapatan boleh guna juga telah meningkat berikutan daripada keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan upah yang tinggi. Oleh yang demikian, perbelanjaan penggunaan swasta dijangka meningkat dalam tahun 1994. Pelaburan swasta juga dijangka terus menggalakkan. Perbelanjaan pelaburan yang tinggi ini mencerminkan keteguhan keyakinan perniagaan kepada ekonomi negara serta insentif-insentif pelaburan yang lebih baik berikutan kenaikan kadar elaun pelaburan semula dan perlanjutan tempoh penikmatan elaunnya yang tidak terhad yang diumumkan pada Belanjawan 1994.

Pendapatan Sektor Swasta

Selaras dengan kekukuhan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, jumlah **pendapatan sektor swasta** (dalam nilai nominal) bagi kedua-dua entiti perniagaan dan individu dijangka meningkat sebanyak 9.7% dalam tahun 1994 (1993: 10.7%). Asas pertumbuhan ini ialah kenaikan perolehan eksport (22.5%) yang mantap dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: 19.8%), hasil daripada peningkatan permintaan luar negeri, terutamanya untuk barangan perkilangan, sejak akhir tahun 1992. Jumlah perbelanjaan kedua-dua sektor awam dan swasta yang tinggi juga dijangka menghasilkan prestasi pendapatan sektor swasta yang lebih baik.

Prestasi sektor swasta pada amnya menggalakkan seperti dicerminkan dalam hasil penemuan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP) Jabatan Perangkaan, seperti ditunjukkan pada Jadual 6.1. PJP menunjukkan bahawa pertumbuhan hasil sektor swasta dijangka kekal pada 14.1% pada tahun 1994 (1993: 14.4%) dengan kesemua sektor ekonomi utama, kecuali pembinaan, dijangka mencatatkan prestasi pendapatan yang lebih baik.

Sektor perkilangan, berjumlah hampir separuh daripada hasil syarikat-syarikat yang dikaji, dijangka mencatatkan kenaikan hasil yang besar sebanyak 19.9% pada tahun 1994 (1993: 20.9%). Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pertambahan hasil ini ialah peningkatan eksport dan pengeluaran yang tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, eksport barangan perkilangan berkembang dengan kukuh sebanyak 31.1% (Januari-Julai 1993: 30%) dan outputnya sebanyak 14.1% (Januari-Julai 1993: 13.6%). Prestasi hasil industri yang berorientasikan pasaran eksport dijangka bertambah baik lagi sementara prestasi hasil industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka terus menggalakkan (lihat Jadual 6.2).

Industri-industri yang berorientasikan pasaran eksport seperti keluaran berasaskan getah dan kayu serta elektrik dan elektronik, dijangka merekodkan pertumbuhan hasil yang menggalakkan dalam lingkungan antara 18% hingga 42% pada tahun 1994. Prestasi hasil industri elektrik dan elektronik yang mantap (42%) khususnya berpunca daripada pertambahan permintaan ke atas keluaran-keluaran nilai ditambah yang baru, yang mana pengeluarannya telah dipindahkan ke Malaysia. Peningkatan bilangan pelanggan multinasional asing dan

Jadual 6.1**Hasil Kasar Mengikut Sektor¹**

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994 ^r	1993	1994 ^r
Pertanian	2,806	2,882	-7.6	2.7
Getah	212	247	-22.9	16.5
Kelapa sawit	1,783	1,971	8.1	10.5
Pembalakan	811	664	-27.1	-18.1
Perilombongan ²	339	350	-0.9	3.2
Perkilangan	50,942	61,099	20.9	19.9
Pembinaan	2,576	2,285	8.3	-11.3
Perkhidmatan	52,360	57,821	10.5	10.4
Perdagangan borong dan runcit	23,147	27,087	3.6	17.0
Hotel	367	403	6.1	9.8
Bank dan institusi kewangan lain	17,422	17,906	23.7	2.8
Insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	4,275	4,548	16.8	6.4
Pengangkutan	7,149	7,877	3.2	10.2
JUMLAH	109,023	124,437	14.4	14.1

¹ Berdasarkan beberapa terbitan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP) yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan sebanyak dua kali setahun meliputi 220 buah syarikat perniagaan besar.

² Tidak termasuk minyak dan gas.

^r Ramalan.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

tempatan serta pemulihan ekonomi di kalangan beberapa rakan perdagangan utama seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom merupakan faktor-faktor yang menyumbangkan kepada pertambahan hasil sektor perkilangan yang mantap. Kedudukan ini diperkukuhkan dengan kemajuan yang sedang dijalankan dalam industri teknologi maklumat dan telekomunikasi tempatan. Pertambahan hasil kedua-dua industri yang berasaskan getah dan kayu dijangka dimampatkan oleh paras pesanan yang kekal tinggi dari pasaran-pasaran tempatan dan luar negeri, berikutan kemajuan pesat yang berlaku dalam pemprosesan huluhan oleh industri-industri yang berasaskan sumber sejak beberapa tahun yang lepas. Walau bagaimanapun, prestasi hasil industri tekstil dijangkakan terus lembap, mencatatkan

kemerosotan sebanyak 0.4% (1993: -4.1%) walaupun permintaan di pasaran luar negeri terus kukuh. Pengeluaran, dan seterusnya pendapatan, industri tekstil dijangka dikekangi oleh kekurangan buruh mahir. Di samping itu, persaingan yang meningkat dari negara-negara pengeluar kos rendah seperti China, Thailand dan Vietnam merupakan satu lagi faktor penyebab kepada kelembapan prestasi industri ini.

Jadual 6.2**Hasil Kasar Mengikut Sektor
Perkilangan¹**

	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994 ^r	1993	1994 ^r
Industri berorientasikan pasaran eksport	20,236	27,819	37.0	37.5
Keluaran elektrik dan elektronik	17,452	24,723	45.4	41.7
Tekstil dan pakaian	1,341	1,336	-4.1	-0.4
Keluaran kayu, tidak termasuk perabot	346	407	56.6	17.6
Keluaran getah	1,097	1,353	-4.5	23.3
Industri berorientasikan pasaran tempatan	30,706	33,280	12.2	8.4
Makanan, minuman dan tembakau	9,622	9,995	0.0	3.9
Keluaran kertas dan percetakan	384	439	-7.0	14.3
Kimia dan keluaran kimia	6,215	6,824	58.7	9.8
Keluaran penapis petroleum	4,338	4,393	2.1	1.3
Keluaran plastik dan kaca	257	312	17.9	21.4
Keluaran galian bukan logam	1,025	1,197	-1.2	16.8
Besi dan keluli	1,408	1,496	14.4	6.3
Keluaran logam dibentuk	1,408	1,399	13.6	-0.6
Jentera, tidak termasuk elektrik	1,567	1,788	0.4	14.1
Peralatan pengangkutan	4,482	5,437	15.5	21.3
JUMLAH	50,942	61,099	20.9	19.9

¹ Berasaskan kepada PJP.

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Prestasi hasil industri-industri yang berorientasikan pasaran tempatan, kecuali keluaran logam yang dibentuk, dijangka turut menggalakkan. Pendapatan industri-industri galian bukan logam, plastik dan kaca serta peralatan pengangkutan dijangka lebih tinggi, iaitu pada kadar antara 17% hingga 21% pada tahun 1994. Manakala prestasi hasil industri-industri galian bukan logam serta plastik dan kaca yang lebih baik ini mencerminkan pengembangan aktiviti-aktiviti sektor pembinaan yang pesat, pertumbuhan hasil industri peralatan pengangkutan yang menggalakkan pula disebabkan oleh kekukuhan jualan di pasaran tempatan bagi kenderaan perdagangan dan kereta penumpang. Walau bagaimanapun, industri-industri yang berorientasikan pasaran tempatan lain seperti keluaran makanan, besi dan keluli serta penapisan petroleum dijangka mencatatkan prestasi hasil yang sederhana dengan kadar pertumbuhan dalam lingkungan antara 1% hingga 6%. Pertumbuhan hasil industri makanan yang lebih rendah ini sebahagiannya disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi akibat daripada kenaikan kos bahan mentah. Prestasi hasil industri besi dan keluli pula yang dijangka sederhana adalah disebabkan oleh pengeluaran yang rendah walaupun permintaan dalam negeri diramalkan meningkat, yang akan ditampung oleh import. Industri petroleum pula dijangka merekodkan prestasi hasil yang rendah juga disebabkan oleh harga minyak mentah yang rendah dan persaingan pasaran yang sengit. Industri logam yang dibentuk dijangka mencatat sedikit pengurangan hasil walaupun terdapat pengembangan kegiatan ekonomi yang pesat di dalam sektor-sektor peleburan dan kejuruteraan serta kegiatan fabrikasi di dalam sektor minyak.

Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pengurangan hasil sebanyak 11.3% (1993: 8.3%) sungguhpun projek-projek infrastruktur yang sedang dimajukan di dalam negara terus berkembang dengan pesat (lihat Jadual 6.1). Pendapatan syarikat-syarikat pembinaan yang rendah ini disebabkan oleh lebihan penawaran ruang pejabat, khususnya untuk kategori pasaran mewah di kawasan Lembah Kelang berikutan siapnya beberapa bangunan bukan kediaman. Prestasi hasil sektor pembinaan yang rendah juga disebabkan oleh pengurangan permintaan, terutamanya bagi kondominium berharga tinggi.

Prestasi hasil **sektor pertanian** dijangka meningkat kembali sebanyak 2.7% (1993: -7.6%), sebahagian besarnya berpunca daripada kenaikan hasil syarikat-syarikat getah dan kelapa sawit. Walaupun pengeluaran merosot, prestasi hasil syarikat-syarikat getah dan kelapa sawit dijangka bertambah kukuh, sebahagian besarnya disebabkan harga komoditi-komoditi ini yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, hasil syarikat pembalakan dijangka terus berkurangan sebahagiannya disebabkan oleh penguatkuasaan kuota penebangan yang ketat untuk memulihara kawasan-kawasan pembalakan negara.


Keuntungan **sektor perlombongan** (tidak termasuk minyak dan gas) juga dijangka pulih kembali pada tahun 1994, dengan kenaikan hasil diramalkan sebanyak 3.2% (1993: -0.9%). Prestasi yang lebih baik ini dicerminkan terutamanya oleh kemantapan pertumbuhan hasil perlombongan tembaga dan kuari, ekor dari pertambahan pengeluaran.

Pertambahan hasil **sektor perkhidmatan** diramalkan terus kukuh pada kadar 10.4% pada tahun 1994 (1993: 10.5%). Sebahagian besar daripada pertumbuhan ini dijangka berpunca daripada hasil sektor-sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel, pengangkutan serta insurans dan perkhidmatan perniagaan, yang diramalkan meningkat antara 6% hingga 17%. Pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pendapatan boleh guna sektor swasta yang tinggi merupakan faktor-faktor utama yang menyumbangkan kepada kemantapan pertumbuhan hasil sektor-sektor kecil ini. Kempen Melawat Malaysia Tahun 1994 khususnya, untuk menggalakkan pelancongan, turut membantu meningkatkan pendapatan dalam sektor-sektor kecil hotel, perdagangan borong dan runcit. Walau bagaimanapun, sektor kecil bank dan institusi kawangan dijangka memperolehi pertambahan hasil yang rendah dalam tahun 1994, berpunca daripada kadar faedah yang menurun.

Perbelanjaan Penggunaan

Perbelanjaan **penggunaan swasta**, didorong oleh peningkatan boleh guna sektor swasta yang berterusan, dijangka bertambah sebanyak 11.9% dalam harga semasa pada tahun 1994 (1993: 9%). Prospek guna tenaga yang terus menggalakkan, upah yang meningkat dan harga

Carta 6.1
Petunjuk-Petunjuk Penggunaan Swasta



1/ Merujuk kepada jumlah yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir tahun, kecuali tahun 1994 bagi akhir bulan Julai.

2/ Merujuk kepada skel kanan.

3/ Merujuk kepada skel kiri.

pengguna yang stabil pada amnya merupakan faktor-faktor yang memperteguhkan keyakinan pengguna dan seterusnya mendorong perbelanjaan.

Jangkaan kenaikan perbelanjaan penggunaan swasta dicerminkan dalam berbagai petunjuk penggunaan, seperti ditunjukkan pada Carta 6.1. Petunjuk-petunjuk penggunaan seperti import barangan penggunaan, kutipan cukai jualan dan perkhidmatan, jualan barangan separa dan bukan tahan lama serta kredit penggunaan yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah meningkat pada kadar yang tinggi, dalam lingkungan antara 13% hingga 42% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Peningkatan perbelanjaan penggunaan ini adalah selari dengan jangkaan hasil yang menggalakkan bagi sektor-sektor perdagangan borong dan runcit dan hotel. Sebagaimana ditunjukkan oleh PJP, sektor perdagangan borong dan runcit diramal mencatatkan pertambahan hasil sebanyak 17% pada tahun 1994 manakala hasil sektor hotel bertambah sebanyak 9.8%.

Walaupun pertumbuhan penggunaan swasta dijangka kukuh, corak perbelanjaan isi rumah seolah-olah masih berhati-hati terhadap barangan pengguna tahan lama. Permintaan bagi kebanyakan **barangan pengguna tahan lama** seperti peti sejuk isi rumah, motosikal dan kereta penumpang didapati lemah, dengan anggaran kadar pertumbuhan dalam lingkungan pengurangan sebanyak 8% dan pertambahan kecil sebanyak 4%. Permintaan yang lembap ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan yang menggalakkan yang telah dicatatkan dalam beberapa tahun yang lepas. Perbelanjaan penggunaan **barangan separa dan bukan tahan lama** sebaliknya, dijangka merekodkan pertambahan yang besar pada tahun 1994. Pertambahan ini, seperti dicerminkan dalam jualan dan import barangan jenis ini, adalah selaras dengan peningkatan keyakinan pengguna berikutan kenaikan pendapatan dan prospek guna tenaga yang terus menggalakkan di dalam ekonomi. Permintaan isi rumah terhadap **perkhidmatan** pada amnya dijangka terus berkembang selaras dengan pertambahan penduduk dan pendapatan. Peningkatan permintaan pengguna ke atas perkhidmatan dapat dikesan dari jangkaan permintaan terhadap pengangkutan, telekomunikasi dan tenaga.

Sungguhpun terdapat kenaikan perbelanjaan pengguna, harga-harga barangan pengguna adalah stabil. Pengurangan dan penghapusan duti-duti import ke atas melebihi 1,100 jenis, termasuk bahan makanan, kasut dan alat ganti kenderaan bermotor serta komitmen Malaysia untuk meliberalisasikan perdagangan telah membantu mengurangkan harga barang-barang import.


Dengan mengambil kira kenaikan harga-harga barangan dan perkhidmatan penggunaan pada kadar 3.8% dalam tahun 1994 (1993: 3.6%), penggunaan swasta dalam nilai benar dijangka bertambah sebanyak 7.8% (1993: 5.3%). Oleh itu, penggunaan swasta per kapita benar dijangka meningkat sederhana sebanyak 5.3% (1993: 2.8%).

Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka terus kukuh pada tahun 1994. Kedudukan ini mencerminkan sentimen perniagaan yang berkeyakinan, hasil daripada kadar cukai korporat yang rendah, insentif pelaburan yang bertambah baik dan kadar faedah yang berkurangan. Jumlah pelaburan swasta (dalam nilai nominal) dijangka berkembang sebanyak 12.8% pada tahun 1994 (1993: 13.9%), dimampinkan oleh perbelanjaan modal yang tinggi dilakukan oleh pelabur-pelabur tempatan serta perbelanjaan pelaburan semula yang besar dilakukan oleh syarikat-syarikat asing. Perlaksanaan pelbagai insentif fiskal dan bukan fiskal, termasuk program Inisiatif Pelaburan Tempatan yang dilancarkan pada tahun 1993 dan perlanjutan insentif elaun pelaburan semula yang memberi faedah kepada kedua-dua syarikat besar dan kecil, dijangka memperteguhkan iklim pelaburan. Jangkaan kenaikan jualan tempatan dan luar negeri serta tahap penggunaan kapasiti yang terus tinggi merupakan beberapa faktor penyumbang kepada kemantapan pertumbuhan perbelanjaan pelaburan.

Pengembangan pelaburan swasta yang mampan adalah dicerminkan oleh sebilangan petunjuk-petunjuk pelaburan, seperti ditunjukkan pada Carta 6.2. Petunjuk-petunjuk ini meliputi jumlah pinjaman dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh sistem bank, import barangan modal, jualan dan import bahan pembinaan dan menggambarkan prestasi pertumbuhan pelaburan yang menggalakkan dalam lingkungan antara 8% hingga 33% bagi tujuh bulan pertama tahun 1994.

Carta 6.2
Petunjuk-Petunjuk Pelaburan Swasta



1/ Merujuk kepada jumlah pada akhir tahun, kecuali tahun 1994 pada akhir bulan Julai.

Pengaliran masuk pelaburan langsung asing dijangka perlahan akibat daripada kesan lat kelulusan pelaburan sektor perkilangan yang rendah sejak tahun 1991 hingga 1993, berikutan daripada pengurangan dana pelaburan langsung asing sedunia dan peningkatan saingan mendapatkan dana di kalangan negara-negara ekonomi pasaran bebas yang baru muncul seperti Vietnam, Cambodia, China dan Eropah Timur. Untuk mengimbangi jangkaan pengurangan pelaburan langsung asing ini, program Inisiatif Pelaburan Tempatan telah dilancarkan pada tahun 1993 dengan tujuan untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan tempatan. Hasilnya, pelaburan tempatan dijangka memainkan peranan utama dalam menerajui pertumbuhan pada tahun 1994 dan dijangkakan meningkat kukuh sebanyak 21.1% (1993: 21.8%). Pelaburan tempatan di kalangan industri-industri kecil dan sederhana (IKS) dijangkakan bertambah pada tahap yang lebih

pesat, selaras dengan kemajuan program pembangunan vendor dengan maksud menggalakkan lebih banyak kegiatan hubung kait antara IKS dan syarikat-syarikat besar.

PJP menunjukkan bahawa perbelanjaan modal dijangka berkurangan sebanyak 2.1% pada tahun 1994 (1993: 33%), seperti yang dapat dilihat di Jadual 6.3. Walau bagaimanapun, kaji selidik itu hanya meliputi 220 buah syarikat-syarikat besar dan tidak termasuk IKS dan syarikat-syarikat yang belum beroperasi, yang akan menyumbang sebahagian besar kepada perbelanjaan modal. Sepertimana pada tahun-tahun yang lepas, sebahagian besar (83%) daripada pelaburan ini dijangkakan masih dalam bentuk pembelian jentera dan peralatan pengangkutan baru, sebagaimana diunjurkan meningkat dengan ketara berikutan pengembangan aktiviti-aktiviti industri perkilangan yang berorientasikan eksport serta perkhidmatan

Jadual 6.3
Perbelanjaan Modal Mengikut Jenis¹

<i>Kategori perbelanjaan</i>	<i>Nilai (RM million)</i>		<i>Bahagian (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	<i>1993</i>	<i>1994^r</i>	<i>1993</i>	<i>1994^r</i>	<i>1993</i>	<i>1994^r</i>
Bangunan baru dan struktur lain	1,465	1,431	14.1	14.1	67.2	-2.3
Jentera dan peralatan baru	4,563	4,871	44.0	47.9	19.2	6.7
Peralatan pengangkutan baru	3,998	3,555	38.5	35.0	41.8	-11.1
Perbelanjaan lain	351	305	3.4	3.0	26.7	-13.1
JUMLAH	10,377	10,162	100.0	100.0	33.0	-2.1

¹ Berdasarkan PJP.

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.4**Perbelanjaan Modal Mengikut Sektor Perkilangan¹**

	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994 ^r	1993	1994 ^r
Industri berorientasikan pasaran eksport	1,525	2,222	56.2	45.7
Keluaran elektrik dan elektronik	1,407	2,101	62.7	49.3
Tekstil dan pakaian	87	51	2.4	-41.4
Keluaran kayu, tidak termasuk perabot	11	16	175.0	45.5
Keluaran getah	20	54	-13.0	170.0
Industri berorientasikan pasaran tempatan	3,582	2,931	30.5	-18.2
Makanan, minuman dan tembakau	205	179	-6.4	-12.7
Keluaran kertas dan percetakan	14	35	-65.9	150.0
Kimia dan keluaran kimia	1,749	1,283	109.0	-26.6
Keluaran penapis petroleum	133	223	-7.0	67.7
Keluaran plastik dan kaca	76	64	-64.8	-15.8
Keluaran galian bukan logam	268	191	-0.4	-28.7
Besi dan keluli	197	25	-72.3	-87.3
Keluaran logam dibentuk	99	92	153.8	-7.1
Jentera tidak termasuk elektrik	270	109	107.7	-59.6
Peralatan pengangkutan	571	730	305.0	27.8
JUMLAH	5,107	5,153	37.2	0.9

¹ Berdasarkan PJP.^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Sektor perkilangan, yang menyumbangkan lebih daripada separuh keseluruhan pelaburan yang dirancang, dijangka merekodkan kenaikan pelaburan yang kecil sebanyak 0.9% pada tahun 1994 (1993: 37.2%). Prestasi yang lemah ini sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkaan pelaburan yang berkurangan untuk industri yang berorientasikan pasaran tempatan, manakala pelaburan oleh industri yang berorientasikan eksport dijangka terus meningkat pesat.

Bagi industri yang berorientasikan pasaran eksport, keluaran-keluaran elektrik dan elektronik serta yang berasaskan getah dijangka mencatatkan peningkatan yang besar dalam perbelanjaan pelaburan pada tahun 1994. Sebahagian besar pelaburan dalam industri elektrik dan elektronik adalah untuk mempertingkatkan dan mempelbagaikan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi perubahan permintaan daripada pertambahan bilangan pelanggan multinasional tempatan dan asing yang sedia ada. Pelaburan ini juga adalah untuk memenuhi jangkaan kenaikan permintaan selaras dengan pemulihan ekonomi di kalangan negara-negara perindustrian yang utama. Jangkaan pertambahan perbelanjaan modal untuk mempertingkatkan kemudahan telekomunikasi dengan maksud menjadikan negara sebagai pusat wilayah telekomunikasi menjelang tahun 2020 juga dijangka menggalakkan pelaburan dalam sektor elektrik dan elektronik.

Pelaburan dalam industri berasaskan getah dijangkakan meningkat dengan ketara dalam tahun 1994, selepas berkurangan dalam tempoh dua tahun yang lepas. Pertambahan ini berpunca daripada potensi permintaan pasaran seberang laut yang kian meningkat, khususnya bagi sarung tangan getah. Permintaan yang dijangka bertambah terhadap keluaran-keluaran bernilai tambah yang baru, terutamanya keluaran getah acuan bermutu tinggi untuk industri automobil dan elektronik, adalah merupakan faktor penyumbang utama kepada peningkatan perbelanjaan pelaburan di dalam industri berasaskan getah yang pesat.

Pelaburan industri keluaran berasaskan kayu dijangkakan kukuh pada tahun 1994 dengan pemprosesan perabot meningkat lagi, terutamanya dengan penubuhan dua buah lagi taman perabot di Terengganu dan Pahang disamping yang sedia ada di Olak Empit, Selangor dan Kawasan Perindustrian Pengkalan, Perak. Walau bagaimanapun, pelaburan industri tekstil dan

pengagihan dan kewangan. Walau bagaimanapun, pelaburan peralatan pengangkutan baru dijangkakan merosot setelah meningkat dengan banyak (67% setahun) pada sepanjang tiga tahun yang lalu. Pelaburan bangunan baru dan struktur-struktur lain juga dijangkakan menurun. Walau bagaimanapun, kaji selidik itu tidak meliputi syarikat-syarikat baru yang masih belum beroperasi. Dua sektor utama, iaitu perkilangan dan perkhidmatan dijangka mengurangkan perbelanjaan pelaburan mereka.

pakaian dijangkakan merosot pada tahun 1994. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh pengurangan pelaburan yang besar dalam sektor kecil tekstil yang berintensifkan buruh disebabkan masalah kekurangan buruh mahir dan bukan mahir. Pelaburan bagi sektor kecil pakaian dan kasut dijangka berkurangan sungguhpun pesanan jualan daripada pasaran-pasaran tempatan dan luar negeri dijangka meningkat.

Pelaburan dalam semua industri yang berorientasikan pasaran tempatan kecuali keluaran kertas dan percetakan, penapisan petroleum dan peralatan pengangkutan, dijangka berkurangan dalam lingkungan antara 7% hingga 87%. Pengurangan perbelanjaan pelaburan kimia dan keluaran kimia sebegini besarnya adalah kerana sejumlah besar pelaburan dalam beberapa projek utama telah dilakukan dalam tempoh beberapa tahun yang lepas. Sungguhpun demikian, sebuah kompleks petrokimia bersepadu yang bernilai berbilion ringgit yang baru sahaja disiapkan di Pasir Gudang, Johor dijangka memperluaskan lagi kesan faedah turut kepada kegiatan-kegiatan hiliran di dalam industri petrokimia, fabrikasi serta perniagaan-perniagaan yang berkaitan. Walaupun terdapat ruang yang luas bagi menggiatkan lagi pemprosesan makanan, pelaburan dalam industri makanan dijangkakan berkurangan. Sebahagian besar daripada permintaan tempatan terhadap makanan dijangka dipenuhi oleh import. Walaupun kegiatan pembinaan adalah menggalakkan berikutan perlaksanaan beberapa projek infrastruktur yang besar yang dijadualkan siap sehingga tahun 2000, pelaburan oleh syarikat-syarikat berkaitan dengan pembinaan termasuk keluaran galian bukan logam, besi dan keluli serta keluaran logam dibentuk dijangka berkurangan.

Pelaburan dalam keluaran kertas dan percetakan, penapisan petroleum dan peralatan pengangkutan sebaliknya dijangka meningkat pesat. Peningkatan pelaburan ketara dalam keluaran kertas dan percetakan didorong oleh kenaikan permintaan dan harga antarabangsa keluaran kertas. Perbelanjaan pelaburan dalam penapisan petroleum dijangkakan lebih mantap dengan sebahagian besar daripada pelaburan dijangka dibelanjakan untuk membesar dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan loji penapis, terutamanya untuk memenuhi keperluan spesifikasi keluaran yang lebih ketat serta untuk

meningkatkan piawai-piawaian kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Perbelanjaan modal dalam industri peralatan pengangkutan dijangka berlaku dalam industri pemasangan kereta berharga tinggi.

Peningkatan ketara dalam kelulusan pelaburan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mencerminkan prospek pelaburan yang menggalakkan bagi sektor perkilangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994, jumlah pelaburan yang diluluskan meningkat pesat sebanyak 174% (Januari-Julai 1993: -72.4%) dengan pelaburan tempatan menyumbang 48% kepada jumlah kelulusan pelaburan dan pelaburan asing menyumbang 52%. Peningkatan yang ketara ini mencerminkan keyakinan perniagaan yang lebih mendalam di kalangan pelabur-pelabur tempatan dan asing berdasarkan kepada prestasi ekonomi yang menggalakkan, kadar cukai korporat yang rendah, insentif pelaburan yang lebih menarik dan kadar faedah yang rendah. Kelulusan pelaburan dalam kesemua industri telah meningkat dengan nyata, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 6.5. Industri-industri logam asas dan dibentuk, galian bukan logam, kimia dan keluaran kimia, elektrik dan elektronik serta kayu, perabot dan kelengkapan mencatatkan sebahagian besar (76%) daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Jumlah kelulusan pelaburan asing adalah sebahagian besarnya terdiri daripada pelabur-pelabur dari Taiwan (RM1.6 bilion), Jepun (RM1.5 bilion), Hong Kong (RM779 juta), Singapura (RM530 juta) dan AS (RM452 juta). Pelaburan daripada kelima-lima negara ini berjumlah 70% daripada keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan.

Pelaburan swasta dalam **sektor pertanian** dijangka kembali meningkat sebanyak 50.7% pada tahun 1994 (1993: -17.2%). Sebahagian besar pertumbuhan berpunca daripada sektor perladangan, terutamanya kelapa sawit dan pembalakan berikutan jangkaan harga yang tinggi dan permintaan yang mantap (lihat Jadual 6.6). Pelaburan dalam perladangan kelapa sawit dijangka terus mantap selaras dengan jangkaan pertumbuhan permintaan terhadap minyak kelapa sawit. Jumlah kawasan baru dan penanaman semula kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 79,000 hektar (1993: 48,000 hektar). Sebahagian besar perbelanjaan pelaburan industri pembalakan

Jadual 6.5
Projek yang Diluluskan Mengikut Industri
(Januari-Julai)

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>		<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Bahagian (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>
	1993	1994	1993	1994	1993	1994	1994
Keluaran elektrik dan elektronik	128	127	857	3,728	17.7	28.1	335.0
Keluaran tekstil dan kulit	32	21	486	679	10.0	5.1	39.7
Kayu, perabot dan kelengkapan	44	56	321	1,136	6.6	8.5	253.9
Keluaran getah dan plastik	33	59	150	736	3.1	5.5	390.7
Makanan, minuman dan tembakau	32	23	264	482	5.5	3.6	82.6
Petroleum dan arang batu	1	1	3	400	0.1	3.0	13,233.3
Kimia dan keluaran kimia	38	24	1,109	1,816	22.9	13.7	63.8
Keluaran galian bukan logam	24	15	812	1,538	16.8	11.6	89.4
Keluaran logam asas dan dibentuk	23	36	380	1,872	7.8	14.1	392.6
Jentera dan peralatan pengangkutan	32	42	272	763	5.6	5.7	180.5
Pelbagai	34	22	190	140	3.9	1.1	-26.3
JUMLAH	421	426	4,844	13,290	100.0	100.0	174.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

adalah untuk penghutan semula selaras dengan dasar Malaysia untuk memampatkan pembangunan perhutanan negara. Pelaburan perladangan getah dijangka tidak berubah selaras dengan jangkaan pengurangan jumlah kawasan tanaman getah kepada 283,000 hektar daripada 298,000 hektar pada tahun 1993, yang kebanyakannya disebabkan oleh pertukaran penggunaan tanah getah kepada kelapa sawit dan kegunaan-kegunaan lain.

Perbelanjaan modal **sektor pembinaan** dijangka meningkat sebanyak 1.9% pada tahun 1994 (1993: -34.2). Pelaburan dalam sektor pembinaan sebahagian besarnya dimampatkan oleh kemajuan beberapa projek infrastruktur yang besar seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur, Rangkaian Pusat Lebuhraya Utara-Selatan, Sistem Transit Aliran Ringan dan projek landasan berkembar.

Jadual 6.6

Perbelanjaan Modal Mengikut Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994 ²	1993	1994 ³
Pertanian	207	312	-17.2	50.7
Getah	17	17	-52.8	0.0
Kelapa sawit	175	249	15.9	42.3
Pembalakan	15	46	-76.2	206.7
Perlombongan ²	25	52	92.3	108.0
Perkilangan	5,107	5,153	37.2	0.9
Pembinaan	52	53	-34.2	1.9
Perkhidmatan	4,986	4,592	33.4	-7.9
Perdagangan borong dan runcit	284	338	-17.0	19.0
Hotel	67	34	123.3	-49.3
Bank dan institusi kewangan lain	281	382	-21.7	35.9
Insuran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	80	175	50.9	118.8
Pengangkutan	4,274	3,663	44.7	-14.3
JUMLAH	10,377	10,162	33.0	-2.1

¹ Berdasarkan PJP.

² Tidak termasuk minyak dan gas.

³ Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Pelaburan swasta dalam **sektor perlombongan** (tidak termasuk minyak dan gas) dijangkakan berkembang pesat pada tahun 1994, terutamanya disebabkan pelaburan dalam perlombongan logam lain. Perbelanjaan pelaburan dijangka dilakukan juga dalam industri kuari selaras dengan kegiatan-kegiatan ekonomi sektor pembinaan yang masih kukuh.

Pelaburan swasta dalam **industri minyak dan gas** dijangka merekodkan pertumbuhan yang pesat sebanyak 22.8% pada tahun 1994 (1993: 3.5%). Pelaburan modal dalam kegiatan huluan, menyumbang 92% daripada keseluruhan pelaburan minyak dan gas, dijangka meningkat dengan nyata

sebanyak 21.7% pada tahun 1994 (1993: 13.3%). Sebahagian besar pelaburan ini adalah bagi pemasangan enam buah pelantar baru di kawasan Central Luconia persisiran Sarawak, pembinaan sebuah saluran paip gas dan dua buah "trunk line" yang baru serta perlaksanaan projek dataran MLNG-Dua di Sarawak. Pelaburan-pelaburan kegiatan huluan lain termasuklah penggerudian sebanyak 39 buah telaga pembangunan (28 buah pada tahun 1993).

Pelaburan dalam kegiatan hiliran oleh syarikat-syarikat minyak (tidak termasuk PETRONAS) juga dijangkakan meningkat dengan pesat sebanyak 37.3% pada tahun 1994, selepas mencatatkan kemerosotan pada kadar purata 42% setahun dalam tempoh tahun 1992-93. Kebanyakan perbelanjaan modal ini dijangkakan dilabur untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan loji penapis dan memperluaskan rangkaian pengagihan yang sedia ada melalui peningkatan mutu stesen perkhidmatan minyak yang sedia ada dan pembukaan stesen perkhidmatan minyak yang baru, terutamanya di utara Semenanjung Malaysia. Pelaburan stesen perkhidmatan minyak ini didorong oleh prospek kemajuan segi tiga utara Semenanjung Malaysia, pembukaan Lebuh Raya Utara-Selatan dan Timur-Barat serta pembukaan Taman Teknologi Tinggi Kulim.

Perbelanjaan modal **sektor perkhidmatan** pada keseluruhannya dijangkakan berkurangan sebanyak 7.9% pada tahun 1994, selepas mencatatkan pertambahan purata yang tinggi sebanyak 54% setahun dalam tempoh lima tahun yang lepas. Proses konsolidasi pelaburan dalam sektor perkhidmatan ini dapat dilihat dari pengurangan pelaburan dalam sektor-sektor kecil pengangkutan dan hotel. Pelaburan sektor pengangkutan, menyumbang melebihi dua pertiga daripada keseluruhan modal dalam sektor perkhidmatan, dijangka merosot disebabkan terutamanya oleh pengurangan perbelanjaan modal industri udara dan perkapalan, berikutan kenaikan pelaburan yang ketara pada purata 61% setahun bagi enam tahun yang lalu. Perbelanjaan pelaburan industri hotel pula dijangkakan berkurangan walaupun kegiatan pembinaan hotel menggalakkan. Ini disebabkan terutamanya kaji selidik ini tidak meliputi hotel baru dan hotel dalam pembinaan.

Sungguhpun prestasi pelaburan sektor perkhidmatan pada keseluruhannya lemah, pelaburan dalam perdagangan borong dan runcit, bank dan institusi kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangkakan meningkat pesat dalam lingkungan antara 19% hingga 119% pada tahun 1994. Beberapa faktor menyumbang kepada pertambahan pelaburan dalam sektor ini termasuk jangkaan kemampuan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan peningkatan pendapatan boleh guna yang telah meningkatkan perniagaan sektor-sektor kecil ini. Pertambahan pelaburan dalam sektor kecil perdagangan borong dan runcit juga didorong oleh perubahan tabiat pengguna kepada kemudahan 'shopping' yang selesa lagi terkini, khususnya di Lembah Kelang. Kegiatan pelaburan oleh bank dan institusi-institusi kewangan sebahagian besarnya adalah untuk mempertingkatkan teknologi selaras dengan maksud untuk meningkatkan daya saingan dan memperbaiki mutu perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan.

Sumber Pembiayaan

Pada tahun 1994, berikutan pendapatan bertambah baik dan seterusnya tabungan, sektor swasta membiayai perbelanjaan pelaburan melalui

dana dalaman, seperti yang ditunjukkan oleh PJP dalam Jadual 6.7. Sebahagian besar (63%) jumlah pelaburan dijangka terus dibiayai melalui dana dalaman perbadanan-perbadanan itu sendiri dalam bentuk caj susut nilai, keuntungan tak diagih, rizab dan peruntukan serta modal dari para pemegang saham.

Dengan kadar faedah yang rendah secara perbandingan, pinjaman dari sumber dalam dan luar negeri dijangka terus menjadi sumber pembiayaan yang penting pada tahun 1994. Peratus sumbangan pinjaman-pinjaman tersebut kepada jumlah pelaburan dijangka kekal pada kadar 37% (1993: 38%). Pinjaman dari bank-bank tempatan dijangka menyumbang kira-kira

Jadual 6.7

Sumber Pembiayaan Sektor Swasta¹ (% sumbangan)

	1993	1994 ²
Dana dalaman	62	63
Pinjaman dalam negeri	9	12
Pinjaman luar negeri	29	25
JUMLAH (RM juta)	100 10,377	100 10,162

¹ Berdasarkan PJP.

² Ramalan.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.8

Pinjaman dan Pendahuluan yang Dikeluarkan oleh Sistem Bank¹ (sehingga akhir bulan Julai)

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1993	1994	1993	1994
Pertanian	5,587	4,842	-8.3	-13.3
Perlombongan	984	866	-3.5	-12.0
Perkilangan	30,666	33,237	6.1	8.4
Pembinaan	13,677	14,675	25.5	7.3
Perkhidmatan	91,575	102,245	10.5	11.7
Perniagaan am, termasuk perdagangan borong dan runcit	15,280	15,773	0.9	3.2
Pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi	2,046	2,624	25.7	28.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	14,576	13,671	9.4	-6.2
Harta termasuk hartanah dan rumah	34,247	34,611	10.4	1.1
Lain-lain	25,427	35,567	16.7	39.9
JUMLAH	142,490	155,866	9.8	9.4

¹ Tidak termasuk penggunaan kredit.

Sumber: Bank Negara Malaysia

12% daripada jumlah keperluan pembiayaan pada tahun 1994, iaitu meningkat sebanyak 3 mata peratusan daripada 9% yang dicatatkan pada tahun 1993. Pinjaman dalam negeri yang lebih tinggi juga dicerminkan dalam pemberian pinjaman dan pendahuluan oleh sistem bank kepada sektor swasta, sila lihat Jadual 6.8. Sehingga akhir bulan Julai 1994, jumlah pinjaman dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh sistem bank kepada sektor swasta meningkat 9.4% (akhir Julai 1993: 9.8%),

mencerminkan sebahagian besarnya pertambahan pengeluaran pinjaman-pinjaman dan pendahuluan kepada sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Sektor korporat juga dijangka mendapatkan dana melalui pinjaman luar negeri. PJP menunjukkan 25% (1993: 29%) daripada pelaburan swasta pada tahun 1994 akan dibiayai melalui pinjaman luar negeri. Pinjaman luar negeri yang lebih tinggi daripada pinjaman dalam negeri ini mencerminkan kos yang lebih rendah, terma dan syarat pinjaman yang lebih baik di pasaran antarabangsa. Seperti yang dicerminkan oleh jumlah pelaburan yang diluluskan oleh MIDA, pinjaman luar negeri menyumbang sebanyak 56% daripada jumlah pembiayaan pinjaman bagi tempoh tahun 1992-93.

Ekuiti asing juga adalah merupakan sumber pembiayaan yang penting dalam pelaburan sektor swasta. Jumlah pelaburan yang diluluskan oleh MIDA bagi tempoh tahun 1992-93 menunjukkan 61% daripada jumlah ekuiti yang diluluskan bagi sektor perkilangan dibiayai dari ekuiti asing.

Pasaran modal tempatan juga adalah sumber pembiayaan penting bagi pelaburan swasta. Lebihan kecairan dalam ekonomi, pendapatan korporat yang tinggi dan keyakinan orang awam terhadap pasaran modal telah membantu pengembangan dana tambahan melalui pasaran modal iaitu melalui penyenaraian baru dan terbitan saham-saham baru serta keluaran sekuriti hutang swasta. Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1994, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan keluaran sejumlah RM8.8 bilion saham dan RM19.2 bilion sekuriti hutang. Daripada jumlah dana yang diluluskan, sektor perkhidmatan kekal sebagai peminjam terbesar (71%), diikuti oleh sektor perkilangan (12.7%). Kedua-dua sektor ini menyumbang kira-kira 84% daripada jumlah dana yang diluluskan. Selain dari memperoleh dana dari bursa tempatan, beberapa perbadanan swasta yang besar telah mendapatkan dana mereka dari pasaran modal luar negeri dengan menjual bon-bon boleh tukar di AS, Eropah dan di negara-negara Asia. Dalam lapan bulan pertama tahun 1994, Rating Agency Malaysia Bhd telah menyiapkan sejumlah 57 penarafan hutang korporat yang bernilai RM7.7 bilion.

Jadual 6.9

**Dana yang Diperolehi di Pasaran Modal
(Januari-Ogos)**

	RM juta		% sumbangan	
	1993 ¹	1994	1993	1994
Saham	3,434	8,818	48.5	31.5
Terbitan awam	28	204	0.4	0.7
Terbitan hak	1,602	4,123	22.6	14.7
Terbitan khas	672	2,898	9.5	10.3
Tawaran untuk jualan	1,131	1,593	16.0	5.7
Sekuriti hutang	3,649	19,216	51.5	68.5
Bon biasa ¹	1,013	11,767	14.3	42.0
Bon boleh tukar ²	30	3,469	0.4	12.4
Lain-lain ³	2,606	3,980	36.8	14.2
JUMLAH	7,083	28,034	100.0	100.0
Saham dan sekuriti hutang mengikut sektor				
Pertanian	298	2,660	4.2	9.5
Perlombongan	—	241	—	0.9
Perkilangan	1,262	3,567	17.8	12.7
Pembinaan	463	1,656	6.5	5.9
Perkhidmatan	5,060	19,910	71.4	71.0
Perniagaan am	448	447	6.3	1.6
Kewangan dan insurans	2,487	6,437	35.1	23.0
Harta tanah	2,034	1,548	28.7	5.5
Lain-lain	91	11,478	1.3	40.9

¹ Termasuk bond boleh tebus, stok pinjaman tanpa cagaran dan bon jaminan Kerajaan. Angka ini termasuk nilai bon berwaran pada masa diterbitkan tetapi tidak meliputi dana yang diperolehi ketika waran itu dikuatkuasakan.

² Termasuk stok pinjaman boleh tukar dan bon Eropah boleh tukar (tidak termasuk dana yang diperolehi ketika pertukaran bon).

³ Termasuk kemudahan-kemudahan pusingan, nota tanpa cagaran, bon 'yankee' dan sekuriti hutang Islam.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Kedudukan Sumber Sektor Swasta

Tabungan sektor swasta adalah dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.9% pada tahun 1994 (1993: 11.2%), menyumbang sebanyak 19.2% daripada KNK (1993: 20.4% daripada KNK). Perbelanjaan pelaburan kasar sektor swasta (termasuk perubahan stok), yang menyumbang sebanyak 25.6% daripada KNK pada tahun 1994 (1993: 24.9%), dijangka kukuh meningkat sebanyak 14.5% (1993: 16.2%). Berikutan peningkatan perbelanjaan pelaburan kasar sektor swasta yang terus melebihi pertumbuhan tabungan, sektor swasta dijangka terus mencatatkan jurang sumber sebanyak RM11 bilion (6.4% daripada KNK) yang mana sebahagian besarnya dibiayai oleh ekuiti asing.

Jadual 6.10

Kedudukan Sumber Sektor Swasta (dalam harga semasa)

	RM bilion		% Perubahan	
	1993	1994	1993	1994
Pendapatan sektor swasta ¹	114.5	126.0	9.6	10.0
Tolak penggunaan swasta	82.9	92.8	9.0	11.9
Tabungan sektor swasta (% daripada KNK)	31.6 (20.4)	33.2 (19.2)	11.2	4.9
Pelaburan sektor swasta ² (% daripada KNK)	38.6 (24.9)	44.2 (25.6)	16.2	14.5
Jurang tabungan pelaburan swasta (% daripada KNK)	-6.9 (4.5)	-11.0 (6.4)		

¹ Selepas ditolak cukai langsung tetapi termasuk subsidi.
² Termasuk perubahan stok.
³ Ramalan